

✓ P.U. (A) 367.

## AKTA SARAAN HAKIM 1971

PERATURAN-PERATURAN SARAAN HAKIM (PINDAAN  
JADUAL KEDUA) (No. 2) 1980

*Akta 45.* PADA menjalankan kuasa-kuasa yang diberi oleh seksyen 19 Akta Saraan Hakim 1971, Yang di-Pertuan Agong setelah berunding dengan Ketua Hakim Negara, membuat peraturan-peraturan yang berikut:

Nama dan mula kuatkuasa. 1. Peraturan-peraturan ini bolehlah dinamakan **Peraturan-peraturan Saraan Hakim (Pindaan Jadual Kedua) (No. 2) 1980** dan hendaklah disifatkan mula berkuatkuasa pada 1hb Julai 1980.

Pemakaian. 2. Peraturan-peraturan ini hendaklah dipakai bagi semua orang yang memegang jawatan sebagai Hakim pada atau selepas 1hb Julai 1980:

*P.U. (A) 11/79.* Dengan syarat bahawa jika seseorang Hakim tertakluk kepada peruntukan-peruntukan undang-undang bertulis lain daripada Peraturan-peraturan Saraan Hakim (Pindaan Jadual Kedua) 1979, dia hendaklah tertakluk kepada peruntukan-peruntukan Peraturan ini dan mana-mana lain undang-undang bertulis tetapi dengan menambah dan mengganti, yang mana sesuai, peruntukan-peruntukan mana-mana lain undang-undang bertulis itu dengan peruntukan-peruntukan Peraturan ini.

Pindaan Jadual Kedua. 3. Jadual Kedua Akta Saraan Hakim adalah dipinda—

(a) dalam perenggan 1—

- (i) dengan menggantikan angka “1,000” dan “1-8-1979” dalam perenggan-kecil (a) (ii) masing-masing dengan angka “1,500” dan “1-7-1980”;
- (ii) dengan menomborkan semula bahagian perenggan-kecil (b) yang bermula dengan perkataan “rumah khas percuma berperabut lengkap” sebagai butiran perenggan-kecil (i) perenggan-kecil (b);
- (iii) dengan menggantikan noktah di akhir butiran perenggan-kecil (i) perenggan-kecil (b) dengan koma bertitik dan perkataan “dan”; dan
- (iv) dengan memasukkan selepas sahaja butiran perenggan-kecil (i) perenggan-kecil (b) butiran perenggan-kecil (ii) perenggan-kecil (b)—
 

“(i) seorang butler dan seorang 1-7-1980  
penunggu rumah dan suatu  
peruntukan sebanyak \$1,500  
setahun untuk menyenggara  
rumah dan taman. ”;

(b) dengan menggantikan dalam perenggan 2 angka “750”, “600”, “500” dan “1977” masing-masing di mana jua ia terdapat dengan angka “2,500”, “2,400”, “2,000” dan “1980”;

(c) dengan memasukkan selepas perenggan 3, perenggan 3A yang berikut—

“3A. ELAUN SERANTAU BAGI PEKERJA-PEKERJA:

(1)	(2)
<i>Elaun serantau bagi pekerja seseorang Hakim</i>	<i>Tarikh mula berkuatkuasa</i>
Maka hendaklah dibayar bagi mana-mana pekerja seseorang Hakim yang berkhidmat di Negeri Sabah atau Sarawak suatu elaun serantau bulanan pada kadar—	1-7-1980

(a) 25 persen; atau

(b) 22½ persen,

gaji bulanan pekerja itu jika gaji-gajinya masing-masing adalah—

(i) kurang daripada \$360; atau

(ii) di antara \$350 dan \$549,

sebulan.

Elaun dalam perenggan ini hendaklah dibayar kepada Hakim yang menggajinya.

”;

(d) dengan memasukkan selepas perenggan 6, perenggan 6A yang berikut—

“6A. LAIN-LAIN ELAUN PEKERJA-PEKERJA:

(1)	(2)
<i>Elaun, caruman atau pendapatan tambahan bagi pekerja-pekerja seseorang Hakim</i>	<i>Tarikh mula berkuatkuasa</i>
Maka hendaklah dibayar bagi pekerja-pekerja seseorang Hakim seperti yang dirujuk dalam Jadual ini mana-mana elaun, caruman atau pendapatan tambahan yang mana tidak ada peruntukan tertentu dibuat dalam Jadual ini tetapi dibayar atau diperuntukan oleh Kerajaan dari semasa ke semasa bagi pekerja-pekerja seseorang pegawai dalam tingkatan tertinggi “A” ke atas dalam Kumpulan Pengurusan dan Iktisas perkhidmatan awam, yang bekerja dalam jawatan setaraf atau serupa dengannya sebagai pekerja-pekerja seseorang Hakim. Elaun, caruman dan pendapatan tambahan dalam perenggan ini hendaklah dibayar atau dibayar kembali kepada Hakim yang menggajikan pekerja-pekerja itu.	1-7-1980

”;

(e) dengan menggantikan perenggan 7 dengan perenggan 7 yang berikut—

“7. ELAUN SARA HIDUP:

(1)	(2)
<i>Elaun yang boleh dibayar kepada seseorang Hakim</i>	<i>Tarikh mula berkuatkuasa</i>
Elaun sara hidup yang boleh dibayar bagi pegawai-pegawai yang berkhidmat dalam tingkatan tertinggi “A” ke atas dalam Kumpulan Pengurusan dan Iktisas perkhidmatan awam, sebagaimana dipinda dari masa ke semasa:	1-7-1980

Dengan syarat bahawa jika seseorang Hakim bertugas lebih daripada lapan jam di luar ibu pejabat, dia hendaklah dibayar elaun penuh.

”;

(f) dengan menggantikan perenggan 8 dengan yang berikut—

“8. BELANJA PENGINAPAN:

(1)	(2)
<i>Belanja yang boleh dituntut oleh seseorang Hakim</i>	<i>Tarikh mula berkuatkuasa</i>
Belanja penginapan atau elaun penginapan yang boleh dibayar bagi pegawai-pegawai yang sedang berkhidmat dalam tingkatan tertinggi “A” ke atas dalam Kumpulan Pengurusan dan Iktisas perkhidmatan awam, sebagaimana dipinda dari masa ke semasa.	1-7-1980

”;

(g) dengan menggantikan perenggan 9, dengan perenggan 9 yang berikut—

“9. PENDAHULUAN UNTUK MEMBELI MOTOKAR:

(1)	(2)
<i>Pendahuluan yang diberi kepada seseorang Hakim</i>	<i>Tarikh mula berkuatkuasa</i>
Sekim pinjaman kereta yang dipakai bagi pegawai-pegawai yang berkhidmat dalam tingkatan tertinggi “A” ke atas dalam Kumpulan Pengurusan dan Iktisas perkhidmatan awam, sebagaimana dipinda dari masa ke semasa.	1-7-1980

”;

- (h) dengan menomborkan semula, bahagian perenggan 11 yang bermula dengan perkataan-perkataan "Rawatan perubatan percuma bagi Hakim," sebagai perenggan-kecil (a) perenggan 11 dan memasukkan di tempat yang sesuai selepas itu perenggan-kecil (b) perenggan 11 yang berikut—

"(b) Walau apa pun yang terkandung dalam perenggan-kecil (a), pembayaran caj harian wad hendaklah tidak dituntut jika seseorang Hakim dimasukkan ke hospital disebabkan oleh kecederaan berbangkit dari kemalangan semasa menjalankan tugas. 1-7-1980";

- (i) dengan memasukkan selepas perenggan 12, perenggan 12A yang berikut—

"12A. BAYARAN SEBAGAI GANTI CUTI:

(1)	(2)
<i>Pengumpulan cuti oleh seseorang Hakim untuk award wang tunai</i>	<i>Tarikh mula berkuatkuasa</i>

Jika, disebabkan oleh desakan perkhidmatan, seseorang Hakim tidak berupaya mengambil cuti rihat tahunannya, dia bolehlah memilih mengumpul sehingga setengah cuti rihat yang layak baginya tetapi tertakluk kepada suatu maxima sebanyak lima belas hari dalam setahun dan, semasa bersara atau kematiannya—	1-7-1980
--	----------

(a) diberi award wang tunai bersamaan dengan satu pertiga-puluh gaji bulanan terakhir yang diterima olehnya bagi tiap-tiap satu hari cuti yang terkumpul hingga maksimum sebanyak sembilan puluh hari; atau

(b) telah menukar cuti rihat yang terkumpul itu, hingga maksimum seratus lapan puluh hari, sebagai perkhidmatan yang diiktiraf dalam mengira pencen atau ganjarannya.

Mana-mana cuti rihat yang tidak diambil dalam tahun-tahun sebelumnya bolehlah diambilkira dalam menghitung cuti rihat bagi maksud-maksud perenggan ini tetapi tertakluk, walaubagaimana pun, hingga terkumpul maksimum lima belas hari bagi tiap-tiap tahun.

”;

(j) dengan menggantikan perenggan 14 dengan perenggan-perenggan 14, 15 dan 16 yang berikut—

“14. SKIM PINJAMAN PERUMAHAN :

(1)	(2)
<i>Skim pinjaman perumahan bagi Hakim</i>	<i>Tarikh mula berkuatkuasa</i>
Skim pinjaman perumahan yang dipakai bagi pegawai-pegawai yang berkhidmat dalam tingkatan tertinggi “A” ke atas dalam Kumpulan Pengurusan dan Iktisas perkhidmatan awam, sebagaimana dipinda dari masa ke semasa.	1-7-1980

15. BEKALAN API DAN AIR :

(1)	(2)
<i>Bekalan api dan air bagi Hakim</i>	<i>Tarikh mula berkuatkuasa</i>
Seseorang Hakim hendaklah dibayar kembali bayaran yang dibuat untuk bekalan api dan air bagi rumah yang dia duduki.	1-7-1980

16. TAMBANG BERBAYAR UNTUK PERJALANAN KE LUAR NEGERI :

(1)	(2)
<i>Tambang berbayar untuk perjalanan ke luar negeri dan orang tanggungan tertentu</i>	<i>Tarikh mula berkuatkuasa</i>
Sekali dalam tiap-tiap lima tahun dalam perkhidmatannya, seseorang Hakim adalah layak mendapat tambang berbayar oleh Kerajaan untuk perjalanan ke luar negeri ke sesuatu destinasi pilihannya bagi dirinya, isterinya dan tiga orang anak-anak tanggungannya di bawah umur dua puluh satu tahun. Tambang untuk perjalanan itu tidak boleh lebih daripada tambang kapal terbang pergi-balik dari Kuala Lumpur ke London, kelas pertama untuk Hakim dan isterinya dan kelas ekonomi bagi seseorang atau ketiga-tiga anak-anak tanggungan yang mengikutinya.	1-7-1980

Diperbuat pada 13hb Disember 1980.

[PM. (R) 11880/A/221 Jld. II; PN. (PU<sup>2</sup>) 91 Pt. II.]

Dengan Titah Perintah,

TAN SRI HASHIM BIN AMAN,  
*Setiausaha Jumaah Menteri*

JUDGES' REMUNERATION ACT 1971

JUDGES' REMUNERATION (AMENDMENT OF SECOND SCHEDULE)  
(No. 2) REGULATIONS 1980

IN exercise of the powers conferred by section 19 of the Judges' Remuneration Act 1971, the Yang di-Pertuan Agong, after consultation with the Lord President, makes the following regulations: *Act 45.*

1. These Regulations may be cited as the **Judges' Remuneration (Amendment of Second Schedule) (No. 2) Regulations 1980** and shall be deemed to have come into force on the 1st July 1980. *Citation and commencement.*

2. These Regulations shall apply in respect of every person who holds office as Judge on or after the 1st July 1980: *Application.*

Provided that where a Judge is governed by the provisions of written laws other than the Judges' Remuneration (Amendment of Second Schedule) Regulations 1979, he shall be governed by the provisions of these Regulations and of such other written laws but with the addition and substitution, as appropriate, of the provisions of these Regulations in the provisions of such other written laws. *P.U. (A) 11/79.*

3. The Second Schedule to the Judges' Remuneration Act 1971 is amended— *Amendment of Second Schedule.*

(a) in paragraph 1—

(i) by substituting respectively for the figures "1,000" and "1-8-1979" in subparagraph (a) (ii) the figures "1,500" and "1-7-1980";

(ii) by re-numbering that part of subparagraph (b) commencing with the words "free fully furnished institutional quarters" as sub-subparagraph (i) of sub-paragraph (b);

(iii) by substituting for the full stop at the end of sub-subparagraph (i) of subparagraph (b) a semi-colon and the word "and"; and

(iv) by inserting appropriately after sub-subparagraph (i) of subparagraph (b) the following sub-subparagraph (ii) of subparagraph (b)—

“(ii) one butler and one caretaker 1-7-1980  
and a provision of \$1,500 per  
annum for house and garden  
upkeep. ”;

(b) by substituting respectively in paragraph 2 for the figures "750", "600", "500" and "1977" wherever they appear the figures "2,500", "2,400", "2,000" and "1980";

(c) by inserting after paragraph 3 the following paragraph 3A—

“3A. REGIONAL ALLOWANCE FOR EMPLOYEES:

(1)	(2)
<i>Regional allowance for employee of a Judge</i>	<i>Effective Date</i>
There shall be paid in respect of any employee of a Judge serving in the State of Sabah or Sarawak a monthly regional allowance at the rate of—	1-7-1980
(a) 25 per centum; or	
(b) 22½ per centum,	
of such employee’s monthly salary where his salary respectively is—	
(i) less than \$360; or	
(ii) between \$360 and \$549,	
per month.	

The allowance in this paragraph shall be paid to the employing Judge. ”;

(d) by inserting after paragraph 6 the following paragraph 6A—

“6A. OTHER ALLOWANCES OF EMPLOYEES:

(1)	(2)
<i>Allowances, contributions and perquisites for employees of a Judge</i>	<i>Effective Date</i>
There shall be paid in respect of such employees of a Judge as are referred to in this Schedule such other allowances, contributions and perquisites for which no specific provision is made in this Schedule but which are paid or provided by Government from time to time in respect of the employees of an officer in superscale “A” and above in the Managerial and Professional Group of the public services, engaged in an equivalent or a similar capacity as the employees of a Judge. The allowances, contributions and perquisites in this paragraph shall be paid or made out to the employing Judge.	1-7-1980

”;

(e) by substituting for paragraph 7 the following paragraph  
7—

“7. SUBSISTENCE ALLOWANCE:

(1) <i>Allowance payable to a Judge</i>	(2) <i>Effective Date</i>
The subsistence allowance payable in respect of officers serving in superscale “A” and above in the Managerial and Professional Group of the public services, as revised from time to time:	1-7-1980

Provided that where a Judge is on duty exceeding eight hours away from station, he shall be paid the full allowance. ”;

(f) by substituting for paragraph 8 the following paragraph  
8—

“8. LODGING EXPENSES:

(1) <i>Expenses claimable by a Judge</i>	(2) <i>Effective Date</i>
The lodging expenses or lodging allowances payable in respect of officers serving in superscale “A” and above in the Managerial and Professional Group of the public services, as revised from time to time.	1-7-1980

”;

(g) by substituting for paragraph 9 the following paragraph  
9—

“9. ADVANCE TO PURCHASE A MOTOR-CAR:

(1) <i>Advance granted to a Judge</i>	(2) <i>Effective Date</i>
The car loans scheme applicable to officers serving in superscale “A” and above in the Managerial and Professional Group of the public services, as revised from time to time.	1-7-1980

”;

(h) by re-numbering that part of paragraph 11 commencing with the words “Free medical treatment for Judges,” as subparagraph (a) of paragraph 11 and inserting appropriately thereafter the following subparagraph (b) of paragraph 11—

“(b) Notwithstanding subparagraph (a), payment of ward daily charges shall be waived where a Judge is hospitalised owing to injury arising from an accident in the course of duty.	1-7-1980
--	----------

”;

(i) by inserting after paragraph 12 the following paragraph 12A—

“12A. PAYMENT IN LIEU OF LEAVE:

(1)	(2)
<i>Accumulation of leave by a Judge for cash award</i>	<i>Effective Date</i>
Where, owing to exigencies of service, a Judge is unable to take his annual vacation leave, he may elect to accumulate up to half of his vacation leave eligibility but subject to a maximum of fifteen days in a year and, on his retirement or death—	1-7-1980

(a) be granted a cash award equivalent to one-thirtieth of his last-drawn monthly salary for each day up to a maximum of ninety days; or

(b) to have converted such accumulated leave, up to a maximum of one hundred and eighty days, as reckonable service in computing his pension and gratuity.

Any vacation leave not taken in preceding years may be taken into account when calculating accumulated leave for the purposes of this paragraph but subject, however, to a maximum of fifteen days' accumulation for each year. ”;

(j) by substituting for paragraph 14 the following paragraphs 14, 15 and 16—

“14. HOUSING LOANS SCHEME:

(1)	(2)
<i>Loan scheme for a Judge</i>	<i>Effective Date</i>
The housing loans scheme applicable to officers serving in super-scale “A” and above in the Managerial and Professional Group of the public services, as revised from time to time.	1-7-1980

15. SUPPLY OF ELECTRICITY AND WATER:

(1)	(2)
<i>Supply of electricity and water for a Judge</i>	<i>Effective Date</i>
A Judge shall be reimbursed payment made for the supply of electricity and water to the house occupied by him.	1-7-1980

## 16. PAID PASSAGE FOR OVERSEAS TRAVEL :

(1)	(2)
<i>Paid passage for overseas travel for Judge and certain dependants</i>	<i>Effective Date</i>
Once in every five years of his service, a Judge shall be eligible to have passage paid by Government for overseas travel to a destination of his choice for himself, his wife and three of his dependent children below twenty-one years of age. The fare for such travel shall not exceed the equivalent return fare for travel by air from Kuala Lumpur to London by first class for the Judge and his wife and by economy class for any or all of the three accompanying dependent children.	1-7-1980          ”

Made the 13th December 1980.

[PM. (R) 11880/A/221 Jld. II; PN. (PU<sup>2</sup>) 91 Pt. II.]

By Command,

TAN SRI HASHIM BIN AMAN,  
*Secretary to the Cabinet*

**P.U. (A) 368.**

**PERATURAN-PERATURAN PERLU (PENDAFTARAN PENGHUNI) 1971**

**PERINTAH PERLU (PENDAFTARAN PENGHUNI) (PEMAKAIAN) (PINDAAN) 1980**

PADA menjalankan kuasa-kuasa yang diberi oleh peraturan 3 Peraturan-peraturan Perlu (Pendaftaran Penghuni 1971, Menteri membuat Perintah yang berikut: P.U. (A) 398/71.

1. Perintah ini bolehlah dinamakan **Perintah Perlu (Pendaftaran Penghuni) (Pemakaian) (Pindaan) 1980.** Nama.

2. Jadual kepada Perintah Perlu (Pendaftaran Penghuni) (Pemakaian) 1974 adalah dipinda dengan menambah kawasan-kawasan baru yang berikut bersetentangan dengan Daerah Cameron Highlands— Pindaan Jadual. P.U. (A) 59/74.

- “9. Ladang Teh Boh
10. Jalan Boh dan Kawasan Habu
11. Ladang Teh Scon Lee (Bharat Tea)
12. Ladang Teh Shum Yip Leong
13. Ladang Teh Sungai Palas
14. Kampung Batu 49
15. Kampung Blue Valley